



MAJLIS DAERAH SEGAMAT

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dibawah **Kod Bidang 140503 (Lampu,Kompenan, Lampu Dan Aksesori)** mempunyai kelayakan perolehan kerja kerajaan dan masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga dibawah ini:-

TAJUK KERJA

MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU JALAN JENIS LED UNTUK KEGUNAAN MAJLIS DAERAH SEGAMAT

1. Dokumen Meja Sebut harga akan dipamerkan dan CD-R Sebut harga boleh diperoleh mulai **07 Ogos 2017** sehingga **13 Ogos 2017** semasa waktu pejabat di Kaunter (Penjualan Sebut harga), Majlis Daerah Segamat, Johor.
2. Kontraktor atau wakil yang sah diwajibkan membawa **Sijil Asal yang masih sah** dan **menyediakan satu salinan** Surat Pendaftaran **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)**, **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (PKK)**, **Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)** semasa membuat pembelian CD-R Sebut harga.
3. Sekiranya kontraktor berdaftar dengan Jabatan Kastam Malaysia, sila sertakan salinan **Surat Keputusan Permohonan Pendaftaran Di Bawah Seksyen 21 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST)**.
4. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Pejabat Majlis Daerah Segamat sebelum jam **12.00 Tengah hari** pada **13 Ogos 2017 (AHAD)**.

(HAJI MISWAN BIN YUNUS)

Yang Dipertua,

Majlis Daerah Segamat



MAJLIS DAERAH SEGAMAT

DOKUMEN SEBUTHARGA

TAJUK KERJA

**MENGECAT SEMULA STRUKTUR JEJANTAS SERTA MEMASANG
ATAP POIKARBONAT DI JEJANTAS SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DATO' BENTARA DALAM, SEGAMAT**

SEBUTHARGA BIL: MDS/JPPH/P-05/2016 SH (A)

KOD BIDANG 060401

TUTUP PADA:

JAM 12.00 TENGAHARI

**PANDUAN KONTRAKTOR
DAN
MENJILID DOKUMEN SEBUTHARGA**

1. Setiap satu pembelian sebutharga, tuan/puan akan menerima satu sampul surat boleh muat ketebalan dokumen bersaiz A4 setiap sebutharga yang telah dicatatkan bilangan sebutharga dan beralamat kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Segamat. Di dalamnya mengandungi ;
 - a) Muka Hadapan dokumen sebutharga yang telah sedia dicetak dengan kertas berwarna, telah dicop dan diisi maklumat nama kontraktor, kelas tempoh pendaftaran, tarikh dijual, tandatangan penjual dan nombor resit bayaran.
 - b) Sekeping CD-R yang mengandungi kandungan dokumen sebutharga dalam format PDF atau JPEG yang perlu dicetak dan dijilidkan.
2. Di dalam CD-R mengandungi dokumen seperti berikut ;
 - a) 001 – Iklan Sebutharga (JPEG)
 - b)
 - c)
 - d) 002 – Arahan Kepada Penyebutharga (PDF)
 - e) 003 – Syarat – Syarat Am (PDF)
 - f) 004 – Borang Senarai Kerja Kontrak Semasa (PDF)
 - g) 005 – Borang Ringkasan Sebutharga (PDF)
 - h) 006 – Borang Sebutharga (PDF)
 - i) 007 – Borang Senarai Semak Sebutharga (PDF)
3. Tuan/Puan dikehendaki ;
 - a) Mencetak semua dokumen 001 hingga 008 dengan kertas bersaiz A4 dan mencetak pelan-pelan bersaiz A4/A3 mengikut saiz diberikan dalam format JPEG.
 - b) Menjilid dengan mengikut susunan dan cara berikut ;
 - i. Muka Hadapan yang telah diberikan (**salinan tidak dibenarkan**).
 - ii. Dokumen 001 hingga 008 yang dicetak.
 - iii. Pelan-pelan yang dicetak. Jika saiz lebih besar dari A4, pelan-pelan hendaklah dilipat bersaiz A4.
 - iv. Dokumen sokongan ; Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan CIDB dan Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM ; Salinan Penyata Bulanan Akuan Bank bagi 3 bulan terakhir dan lain-lain dokumen yang perlu.
 - v. Di susun semua dokumen di atas mengikut turutan dan di 'staple' di sebelah tepi kiri (atas, tengah dan bawah) dokumen yang perlu.
 - c) Mengisi dan menandatangani borang-borang yang disediakan seperti biasa dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang telah diberikan, dimetrikkan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Majlis Daerah Segamat sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.

AMARAN

Mana-mana pihak kontraktor yang cuba mencetak/menyalin lebih dari satu dokumen dalam satu belian dan memberi kepada pihak kontraktor yang lain dan kemudiannya cuba menyertai sebutharga, jika dapat diketahui oleh pihak MDS, kedua-dua pihak kontraktor akan dibatalkan

penyertaan dan akan disenarai hitamkan. Kawalan akan dibuat berdasarkan pada Muka Hadapan yang diberikan hanya satu setiap pembelian, bertanda tangan penjual dan nombor resit. Semakan akan dibuat semasa membuka sebutharga.